

"DAN janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kurnia kemurahan-Nya (dengan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mau membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada Hari Kiamat kelak".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah 'Ali-Imran, ayat 180.

Mahasiswa UNISSA sertai i-fest 2023 Edisi Ke-2

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



DAYANG Nur Amal Atiqah @ Aida binti Haji Sudirman johan pertandingan Tilawah Al-Quran Perempuan, manakala Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Abdul Habib dinobatkan sebagai naib johan pertandingan Tilawah Al-Quran Lelaki.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Ogos. - Seramai enam Mahasiswa-mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diiringi oleh Pegawai Pengiring, Awang Haji Muhammad Danish Iqbal bin Haji Ariffin telah menyertai Festival Kesenian Islam 2023 (i-fest2023) Edisi Ke-2

anjuran Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak dan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, baru-baru ini.

Festival Edisi Ke-2 yang diadakan pada 7 Ogos hingga 12 Ogos itu bertujuan untuk

mengetengahkan kesenian Islam kepada masyarakat Islam dan bukan Islam.

Selain itu juga, ia juga untuk menggalakkan masyarakat terutamanya golongan belia untuk terlibat dalam aktiviti yang sihat dan seterusnya membentuk peribadi diri yang lebih baik.

Dengan adanya ruang dan peluang ini masyarakat boleh menonjolkan bakat yang ada pada diri melalui penglibatan dalam pertandingan yang akan diadakan di sepanjang festival berkenaan.

Antara pertandingan-pertandingan yang disertai oleh Mahasiswa-mahasiswi UNISSA ialah pertandingan Seni Khat, Tilawah Al-Quran, Memanah dan Syarahan Agama.

Semasa festival tersebut, Dayang Nur Amal Atiqah @ Aida binti Haji Sudirman telah dinobatkan sebagai johan pertandingan Tilawah Al-Quran Perempuan. Manakala, Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Abdul Habib telah dinobatkan sebagai naib johan pertandingan Tilawah Al-Quran Lelaki.

Manakala, Awang Muhammad Abdul Hakim bin Mohamad Asnan dan Dayang Norain binti Haji A. Armin, masing-masing dinobatkan sebagai naib johan bagi pertandingan Seni Khat dan pertandingan Syarahan Agama.

Festival tersebut juga turut disertai oleh pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah rendah, menengah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia.



AWANG Muhammad Abdul Hakim bin Mohamad Asnan dan Dayang Norain binti Haji A. Armin masing-masing dinobatkan sebagai naib johan bagi pertandingan Seni Khat dan pertandingan Syarahan Agama (atas dan bawah).

